



SinarHarian



SinarOnline



SinarHarian



sinarharian



Sinar Harian



Sinar Harian Official



>> KHAS > COVID-19 > Petugas media Kelantan terima dos pertama vaksin

Petugas media Kelantan terima dos pertama vaksin

SITI FATIHAH AWANG || 10 Jun 2021



Sebahagian daripada pengamal media di Kelantan yang menerima suntikan dos pertama vaksin Sinovac di sini pada Khamis.

A⁻ A⁺**Wanita lengkap dua dos vaksin cetus kluster baharu di Sabah**[Read Next Story >](#)

KOTA BHARU - Para petugas media Kelantan menarik nafas lega apabila menerima suntikan vaksin Covid-19 untuk dos pertama di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, di sini, pada Khamis.

Suntikan vaksin Sinovac itu melibatkan 31 pengamal media daripada pelbagai agensi yang merupakan ahli Kelab Media Kelantan Darul Naim (Kemudi).

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) Datuk Zaini Husin berkata, suntikan kepada pengamal media itu dibuat memadamkan mereka terdedah kepada risiko jangkitan terutama setiap kali turun membuat liputan.



Menurutnya, walaupun sudah menerima suntikan, namun pengamal media diingatkan agar sentiasa mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

"JKNK akan terus berusaha memastikan setiap lapisan masyarakat menerima suntikan vaksin ini dalam usaha memutuskan rantaian Covid-19."

"Gerak kerja itu akan dilakukan secara teliti memandangkan bekalan vaksin diterima secara berperingkat," katanya.

Wanita lengkap dua dos vaksin cetus kluster baharu di Sabah

[Read Next Story >](#)

Sementara itu, Presdien Kemudi, Shahnun Hanif Abdullah Suhaimi berkata, pihaknya merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan negeri, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Kementerian Kesihatan Malaysia serta Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI) atas program suntikan vaksin kepada petugas media.

"Penantian warga media di Kelantan akhirnya tertunai selepas kami menerima suntikan vaksin dos pertama yang dianggap penting dalam usaha mengekang penularan penyakit Covid-19 yang semakin membimbangkan," katanya.



Dalam pada itu, jurugambar dari Pertubuhan Berita Nasional (Bernama), Zulkarnain Kamaruddin, 48 mengakui teruja menerima suntikan vaksin pertama.

Katanya, suntikan itu merupakan salah satu penghargaan dari kerajaan buat warga media yang merupakan salah satu kumpulan 'barisan hadapan'.

"Secara jujurnyanya kami warga media turut terdedah kepada jangkitan Covid-19 setiap kali turun ke lapangan terutamanya melibatkan kawasan berisiko tinggi Covid-19 bagi membuat liputan.

"Jadi dengan suntikan ini, kami menjadi lebih yakin untuk membuat laporan berita kepada masyarakat," katanya

Paling Terkini: JAIS batal peperiksaan PSRA Ogos ini

petugas media suntikan vaksin Covid-19

Wanita lengkap dua dos vaksin cetus kluster

Artikel ini ialah © 2018 Hakcipta Terpelihara Kerajaan Malaysia. Sebarang salinan tanpa kebenaran akan dikenakan tindakan undang-undang

Read Next Story >

Artikel Berkaitan



Tiada anggota polis Kelantan enggan terima vaksin Covid-19

KOTA BHARU - Semua anggota polis di Kelantan bersetuju untuk menerima vaksin Covid-19 sekali gus menafikan dakwaan ada segelintir dalam kalangan...



1,800 warga emas, golongan berisiko gagal hadir janji temu suntikan vaksin

KOTA BHARU - Seramai 1,800 individu membabitkan golongan berisiko dan warga emas dikesan gagal hadir pada janji temu penerimaan suntikan vaksin fasa...



Bertambah yakin selepas ambil suntikan vaksin

KOTA BHARU - Pelbagai dakwah, dakwaan serta berita palsu tular di pelbagai platform media sosial, untuk menghasut rakyat supaya mengelak daripada...



Sabah capai sasaran suntikan vaksin Covid-19 fasa pertama

KOTA KINABALU - Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan peringkat negeri Sabah mencapai sasaran fasa pertamanya apabila seramai 42,292 individu terdiri...



Kelantan bakal terima 40,000 dos vaksin Sinovac

KOTA BHARU - Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) mengesahkan pihaknya akan menerima sebanyak 40,000 dos vaksin jenis Sinovac bagi menjayakan...



2,407 individu terima suntikan vaksin Covid-19 di Selangor

SHAH ALAM - Seramai 2,047 individu di Selangor telah menerima suntikan vaksin Covid-19 fasa pertama setakat Selasa. Menteri Besar Selangor, Datuk...

Wanita lengkap dua dos vaksin cetus kluster baharu di Sabah

[Read Next Story >](#)



Advertisement

Apakah reaksi anda?

Powered by Vuukle




Gembira




Biasa Jer




Terhibur



Teruja



Marah



Sedih

**Wanita lengkap dua dos vaksin cetus kluster
baharu di Sabah**

[Read Next Story >](#)

TERKINI | POPULAR

- 1 JAIS batal peperiksaan PSRA Ogos ini
- 2 Parlimen hibrid: Solusi buat MP
- 3 SAM gesa Kerajaan Pahang hentikan aktiviti perlombongan di...
- 4 Parlimen hibrid perlu diperhalusi
- 5 Bekalan air di 13 kawasan di ibu kota pulih sepenuhnya

Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

**Wanita lengkap dua dos vaksin cetus kluster
baharu di Sabah**

Email

Nama

[Read Next Story >](#)

Langgan

lentikan kesakitan di seluruh badan!

ERITA & SAINS MALAYSIA | Sponsored

ara Mudah Kuruskan Badan Bakar Semua Lemak Degil!

ipan Shinyakoso | Sponsored

angsapuri Dijual Di Shah Alam Mungkin Mengejutkan Anda

angsapuri | Cari Iklan | Sponsored

**Wanita lengkap dua dos vaksin cetus kluster
baharu di Sabah**

[Read Next Story >](#)

**Wanita lengkap dua dos vaksin cetus kluster
baharu di Sabah**

Read Next Story [>](#)